

Badan kebajikan Melayu Singapura dikatakan telah mengadakan bantahan yang keras kepada filem Melayu yang bernama “Penghidupan” yang dibuat oleh syarikat Show Brothers dengan menyatakan bahawa yang demikian itu adalah menyentuh perasaan orang-orang Melayu sama ada dalam tarafnya, adat istiadatnya dan agamanya bantahan itu memang patut didatangkan supaya jangan orang pakai suka hati sahaja hendak menunjukkan kepada umum begitulah kononnya perangai dan tabiat orang Melayu. Sebabnya berlaku lain tidak ialah oleh kerana filem Melayu diurus oleh orang yang bukan Melayu dan sebab itulah mesti dijaga kalau hendak membuat filem hendaklah dicari seorang penasihat yang tahu selok belok adat istiadat orang-orang Melayu dan agamanya – dengan demikian harus terjauh daripada teguran.

-----*-----*-----

Di dalam filem itu juga telah ditegur oleh badan kebajikan Melayu atas perangai dengan mudah menjadi “tali baru”



KOPI PAHIT

kalau orang sudah mudah menjadi “tali baru” buat perempuan yakni buat menyerahkan anak gadis bangsanya kepada bangsa sendiri atau kepada bangsa lain dengan sebab tamak kepada harta maka tidak hairan kalau ada penganjur “tali baru”, ulama tali baru, pegawai-pegawai tali baru, orang besar-besar tali baru dan sebagainya bangsa habis, negeri habis agama terjual.

-----*-----*-----

Tetapi orang-orang yang menjadi tali baru itu jangan lupa bahawa pekerjaan jangan cuba-cuba menyentuh agama. Tabiat orang Melayu anak sengsara masih mengurut dada. Dua hari tak makan masih sabar, baju koyak tak mengapa tetapi kalau agama habis fikir – ingatan mereka satu sahaja kerana Allah syurga menanti. Bukti tak payah ditanya – T. S. T. sudah

-----*-----*-----

Al-Falaki Al-Syahir Sahib Al-Fadihilah Al-Sheikh Zahir Jalalluddin telah menang dalam perbicaraan kerana masuk

dalam masjid kerana disaman oleh nazir masjid. kita hairan bagaimana orang yang masuk ke rumah Allah boleh disaman tetapi ini tidak pelik sebab bagaimana juga di Singapura sebahagian nazir-nazir memandang masjid itu rumahnya – bukan rumah Allah – siapa berani campur dituduhnya mencero boh – beginilah keadaannya kalau orang jahil kerana kira percaya Al-Sheikh Zahir tiada di masjid itu kerana Allah untuk memeriksa salah atau benar hala kiblatnya kerana ia seorang daripada ahlinya.

-----*-----*-----

Tuan Mackenzie seorang ahli mesyuarat yang bukan rasmi bagi majlis mesyuarat kerajaan Johor telah berucap dalam majlis itu pada 30 Mei yang lalu sesudah mengesyorkan disatukan Sekolah-sekolah Agama dengan Sekolah-sekolah Melayu maka, “Orang Putih” itu telah menyatakan pendapatannya bahawa pelajaran-pelajaran agama itu

adalah mencadangkan orang-orang Melayu itu bersiap untuk mati sahaja sedang lain-lain bangsa berikhtiar untuk hidup. “Orang Putih’ ini sudah salah terpa – agama Islam tidak menyuruh umatnya bersiap untuk mati tetapi ia menyuruh umatnya menjadi khalifah dibumi Allah memerintah – bukan diperintah dan sebab itulah barangkali sebahagian orang yang sebangsanya yang mengetahui takut kalau pati pelajaran Islam itu diajarkan kepada umat Melayu sebab pelajarannya kalau ia dari kecil zahir merdeka, besarnya merdeka dan dewasanya pun merdeka dan dengan semangat merdeka itu ia disuruh menjadi khalifah. Sekarang patutnya mereka berpuashati dengan apa yang ada sebab mereka digalakkan dancing, penganjur-penganjur palsa galakkan sosial dan sandiwara amal dengan tujuan “untuk kebajikan bangsa” kononnya tetapi batinnya menjual maruah atau merosakkan maruah atau kata orang Indonesia menambah “krisis moral” yang sedang diperangi mereka. Sebahagian tentu mahu ada “krisis moral” sebab senang dapat – apa yang dapat” T.S.T habis – cemeti Al-farouk